

Headline	Cavalli pindah sentuhan ke kereta		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	11 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Global	Circulation	324,097
Page No	43	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	395 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,588
Frequency	Daily	PR Value	RM 43,765



Cavalli pindah

■ Pereka Itali jana kemahiran rekaan kepada industri permotoran untuk hasil MINI Paceman

'sentuhan' ke kereta

Dia lebih biasa menayangkan corak harimau dan gaun malam labuh yang menjadi sinonim gaya penampilannya. Tetapi sebagai pengunduran daripada kariernya, pereka Itali Roberto Cavalli meminjatkan kejaguan rekaan estetikanya kepada industri permotoran menerusi rekaan MINI Paceman untuk tujuan kebajikan.

Ia adalah mini unik yang ke-13 dihasilkan sebagai menghargai acara Life Ball, majlis kutipan wang untuk membantu menangani Aids dan HIV. Sementara kereta lain dapat mengutip gabungan 500,000 euro (RM2.04 juta) untuk kebajikan, Mini rekaan Cavalli ini



ROBERTO CAVALLI

BAHAGIAN dalam dilengkapi tempat duduk kulit, stereng dibaluti kulit dan lubang udara pendingin hawa metalik berkilat.

TEMPAT duduk yang dilapik kulit dilengkapi dengan tempat bersandar kepala yang dihias dengan logo keemasan Cavalli.



REKAAN MINI Paceman hasil sentuhan pereka Roberto Cavalli dijual pada harga RM613,164.

berjaya mengutip jumlah kutipan memberangsangkan untuknya saja selepas ia dijual pada harga 150,000 euro (RM613,164) dalam Life Ball hujung minggu lalu.

Sir Elton John, Bill Clinton, Jelly Osbourne dan Hilary Swank antara nama-nama besar yang hadir dalam

majlis yang diadakan di Vienna, Austria itu.

Kereta berkenaan memperoleh sentuhan akhir cat yang berkilat yang berubah daripada warna hitam ke coklat bergantung kepada dari sudut mana ia dilihat.

Di bahagian dalam, tempat duduknya dilapik dengan kulit berwarna hitam dan hiasan keemasan, selain sterengnya turut dibaluti kulit - malah, lubang udara untuk pendingin hawa juga dilengkapi dengan metalik berkilat.